

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Surat Kredit Pindahan. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am.)</p>	<p style="text-align: center;">SURAT KREDIT PINDAHAN</p> <p>Tarikh:</p>															
<p>1. Apakah produk ini?</p> <p>Surat Kredit Pindahan (Letter of Credit Transfer atau LT) ialah perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank (Bank Pemindah) untuk memudahkan pemindahan Surat Kredit, secara keseluruhan atau sebahagiannya kepada satu atau lebih dari satu Penerima Kedua. Keperluan awal untuk membolehkan pemindahan tersebut dikuatkuasakan termasuk;</p> <p>(a) Surat Kredit tersebut perlu menetapkan instrumen yang boleh dipindah milik (b) Permohonan bertulis untuk pemindahan mesti dilakukan oleh Penerima Surat Kredit (Pelanggan/Penjual)</p> <p>Walaupun Penerima Surat Kredit mungkin berhak untuk meminta pemindahan, Bank Pemindah yang dinamakan (UOBM) tidak bertanggungjawab untuk bertindak atas permintaan tersebut, kecuali ia bersetuju untuk berbuat demikian dan selepas pembayaran fi pemindahannya.</p>																
<p>2. Apakah ciri-ciri utama produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • LT adalah tertakluk kepada Adat dan Amalan Seragam untuk Kredit Berdokumen, Terbitan 600 (UCP 600). • LT membolehkan anda mendapat barangan yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Surat Kredit dari pihak ketiga (Penerima Kedua) melalui instrumen Surat Kredit yang sama. • Anda boleh menentukan syarat-syarat terpilih di bawah Surat Kredit yang dipindahkan untuk ditukar/disekat, termasuk harga unit barangan tersebut, dengan itu melindungi margin keuntungan anda. 																
<p>3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda tidak perlu mempunyai apa-apa kemudahan yang diluluskan terlebih dahulu oleh Bank untuk menikmati perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, anda perlu menasihatkan Pembeli anda untuk meminta Bank beliau (Surat Kredit Bank Pengeluar) membenarkan Surat Kredit untuk dipindahkan dan untuk menamakan UOBM sebagai Bank Pemindah. • Permohonan untuk LT mesti dilakukan dalam Borang Permohonan standard Bank yang dilengkapkan dan ditandatangani sewajarnya oleh penandatanganan yang dibenarkan anda dan janji Surat Kredit asal dengan Bank (Bank Pemindah). 																
<p>5. Apakah tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda perlu melaksanakan penggantian dokumen, terutamanya Invois dan Bil Pertukaran, apabila diminta oleh Bank Pemindah. • Dokumen yang digantikan tidak boleh menimbulkan sebarang percanggahan apabila disemak dengan Surat Kredit asal berhubung dengan Surat Kredit yang dipindahkan. 																
<p>6. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jika anda gagal menggantikan dokumen tepat pada masanya apabila diminta, Bank Pemindah berhak untuk mengemukakan dokumen Penerima Kedua ke Bank Pengeluar untuk pembayaran. • Begitu juga jika dokumen yang digantikan menyebabkan percanggahan, Bank Pemindah berhak untuk mengemukakan dokumen Penerima Kedua, yang jelas atau mematuhi Surat Kredit yang dipindahkan kepada Bank Pengeluar untuk pembayaran. 																
<p>7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;"></th> <th style="width: 35%; text-align: center;"><i>Jualan</i></th> <th style="width: 35%; text-align: center;"><i>Eksport</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Fi Pemindahan</td> <td style="text-align: center;">0.1% Rata, dengan minimum RM100.00</td> <td style="text-align: center;">0.1% Rata, dengan minimum RM100.00</td> </tr> <tr> <td>Fi Pindaan yang melibatkan jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan</td> <td style="text-align: center;">0.1% Rata, ke atas jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan, dengan minimum RM50.00</td> <td style="text-align: center;">0.1% Rata, ke atas jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan, dengan minimum RM50.00</td> </tr> <tr> <td>Fi Pindaan Lain</td> <td style="text-align: center;">RM50.00</td> <td style="text-align: center;">RM50.00</td> </tr> <tr> <td>Caj Lain</td> <td colspan="2">Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut</td> </tr> </tbody> </table>			<i>Jualan</i>	<i>Eksport</i>	Fi Pemindahan	0.1% Rata, dengan minimum RM100.00	0.1% Rata, dengan minimum RM100.00	Fi Pindaan yang melibatkan jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan	0.1% Rata, ke atas jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan, dengan minimum RM50.00	0.1% Rata, ke atas jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan, dengan minimum RM50.00	Fi Pindaan Lain	RM50.00	RM50.00	Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut	
	<i>Jualan</i>	<i>Eksport</i>														
Fi Pemindahan	0.1% Rata, dengan minimum RM100.00	0.1% Rata, dengan minimum RM100.00														
Fi Pindaan yang melibatkan jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan	0.1% Rata, ke atas jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan, dengan minimum RM50.00	0.1% Rata, ke atas jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan, dengan minimum RM50.00														
Fi Pindaan Lain	RM50.00	RM50.00														
Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut															

Nota: Bank boleh menyemak semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlakannya, tertakluk kepada Bank memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.

8. Apakah risiko-risiko utama?

- Anda tidak akan mempunyai apa-apa kawalan ke atas barangan yang dihantar oleh Penerima Kedua, yang berpotensi menimbulkan isu-isu kualiti yang dikemukakan oleh Pembeli, dengan itu, menjejaskan urusan masa depan anda dengan mereka. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa bank berurusan dengan dokumen sahaja dan tidak menghiraukan barangan fizikal.
- Kegagalan untuk menggantikan dokumen pematuhan tepat pada masanya boleh menyebabkan anda kehilangan margin keuntungan anda.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda, sila maklumkan cawangan UOBM yang terdekat atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOBM anda.

10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke bnmtelelink@bnm.gov.my)

11. Where can I get further information on the product?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi Cawangan UOBM yang terdekat atau hantar E-mel ke businessbanking.servicecentre@uob.com.my atau log masuk ke www1.uob.com.my untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan UOBM kami di Kuala Lumpur 603 - 2616 6800; Pulau Pinang 604 - 2626 800; Johor Bahru 607 - 2236 800; Kuching 082 - 236 820; Kota Kinabalu 088 - 246 820.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada September 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

Kepada: UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)

Saya/Kami dengan ini mengakui penerimaan Helaian Pendedahan Produk di atas.

Penandatanganan yang Dibenarkan & Cop Syarikat
Tarikh: